# Vaksin 'walk in' warga emas di seluruh negara, mulai minggu depan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim - Ogos 2, 2021 @ 1:19pm
luqman.arif@bh.com.my




PUTRAJAYA: Kaedah pemberian vaksin secara terus atau 'walk in' untuk warga emas akan diperluaskan di seluruh negara, mulai minggu depan.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, ketika mengumumkan perkara itu berkata, perangkaan semasa di peringkat nasional menyaksikan sebanyak 95 peratus daripada warga emas yang berdaftar sudah menerima suntikan vaksin masing-masing.

Sehubungan itu, katanya, Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) membuat keputusan supaya kaedah pemberian vaksin secara 'walk in' yang dilaksanakan di Lembah Klang, diperluaskan di semua negeri.

"Ada negeri yang sudah mula (pemberian vaksin kepada warga emas secara 'walk in', ada yang sudah bersedia untuk terima 'walk in' bagi warga emas.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Malaysia terima lebih 6 juta dos vaksin Pfizer bulan ini
- Lebih 2.25 juta dos vaksin dijadualkan tiba April, Mei
- Operasi lonjakan vaksinasi di KL, Selangor
- 5 peratus media divaksin, keutamaan untuk ke Tokyo

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 3m Keseimbangan biodiversiti kekang penyakit bawaan haiwan
- 4m Anggota militan maut dalam insiden tembakan di Pattani
- 18m OLIMPIK: Barshim, Tamberi buat dunia kagum
- 18m Pemberian vaksin secara 'walk-in' dapat sambutan
- 19m Polis pertingkat kawalan terhadap PKPD Bukit Malut
- 25m 2 strategi vaksinasi di Lembah Klang
- 25m Tangguh sidang Dewan Negara, 16 Senator serah memorandum
- 28m Julia buktikan kemampuan dalam dunia nuklear

"Justeru, pengumuman akan dibuat di peringkat CITF negeri, tetapi secara dasar, di peringkat CITF Persekutuan, kita buat keputusan, negeri boleh mula 'walk in' untuk warga emas yang belum terima dos pertama mereka.

"Kita serah kepada CITF negeri dengan turunkan kuasa kepada mereka, bagi tentukan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mana dikhaskan untuk warga emas," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata kaedah pemberian vaksin secara 'walk in' untuk warga emas di Lembah Klang tidak terhad hanya kepada sembilan PPV, seperti diumumkan dalam pengagihan pelalian kepada baki penerima menerusi Operasi Lonjakan Kapasiti.

Mengikut perincian, beliau berkata, jumlah warga emas yang berdaftar di seluruh negara bagi mendapatkan suntikan pelalian kini mencecah 9.3 peratus atau 3.1 juta orang.

"Daripada jumlah ini, seramai tiga juta sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan, manakala 2.25 juta atau 71 peratus sudah lengkap divaksin," katanya.

Membentangkan data lengkap CITF setakat semalam, Khairy berkata 6.2 juta daripada 20.9 juta yang mendaftar dengan PICK terdiri daripada penerima fasa kedua, manakala 14.7 juta lagi ialah fasa ketiga.

Sejak dilaksanakan pada 19 April lalu, katanya, pengagihan suntikan pelalian bagi fasa kedua meliputi 7.86 juta penerima berdaftar, iaitu tiga juta warga emas, orang kelainan upaya (347,000) dan komorbiditi (7.3 juta)

"Dengan vaksinasi harian mencecah 500,000 dan terus meningkat, sehingga hujung minggu lalu, kita sudah berikan suntikan pelalian kepada lebih 20 juta populasi di Malaysia.

"Pada 29 Julai ialah rekod inokulasi tertinggi dengan 556,404 dos suntikan, manakala purata sepanjang tujuh hari turut mencatatkan peningkatan 26 peratus iaitu 533,832 dos berbanding minggu sebelumnya sebanyak 423,265 dos.

"Rumusan vaksin sepanjang pelaksanaan PICK pada Julai lalu menyaksikan 12,449,975 suntikan dos diberikan di seluruh Malaysia, dengan purata suntikan ialah 398,843 iaitu lonjakan 136 peratus daripada purata pemberian dos pada Jun sebanyak 293,267 dos.

Mengemukakan data bekalan setakat semalam, Khairy berkata Malaysia sudah menerima 28,154,280 dos vaksin dan menjangkakan penghantaran seterusnya bakal tiba sepanjang tempoh beberapa minggu, bulan ini.

Bagi vaksin Pfizer, katanya, negara menerima 11,341,980 dos setakat ini manakala bekalan seterusnya membabitkan 1,800,630 dos dijangka tiba pada minggu pertama bulan ini, iaitu antara hari ini hingga 8 Ogos.


## VAKSIN


WILAYAH Ogs 2, 2021 @ 8:30pm
Saringan kontak rapat penyumbang kes COVID-19


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 8:04pm
Vaksinasi 'walk in' di PPV Hotel Movenpick dapat sambutan


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 6:32pm
Perlis, Sarawak & Labuan beralih fasa 3 Rabu ini


WILAYAH Ogs 2, 2021 @ 4:28pm
Jenazah pesakit COVID-19 meningkat setiap hari


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 3:39pm
KKM masih guna sistem HIDE - Khairy


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 3:09pm
Jangkitan COVID-19 tinggi seminggu lagi

## TRENDING


PENDIDIKAN 2 jam yang lepas
Guru tertekan sekolah tidak ikut arahan


OLAHRAGA Ogs 2, 2021 @ 10:29pm
OLIMPIK: Jackson tersingkir selepas berjoging ke garisan penamat


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 9:22pm
Ramai serbu pusat suntikan secara 'walk-in'


ASIA Ogs 2, 2021 @ 3:36pm
China mula bergelut dengan varian Delta


NASIONAL Jul 28, 2021 @ 8:00pm
Filem 'SAW' versi korea 'The Closed Ward' mula ditayang di tonton CINEMA.

## MYRESIPI


RESEPI Jul 11, 2021 @ 12:43pm
Resepi Chicken Wings Ala 4 Fingers, Lagi Jimat & Puas Makan Di Rumah



**Bukan 'Loser', Tapi Ini Kekuatan Luarbiasa Orang Yang 'Single' & Hidup Sendiri...**


Disyorkan untuk anda

Recommended by



**How to get a second income by investing 250$ i...**

bglobalnew.com

Learn More



**Plastic Surgery in Singapore - Prices in 2021...**

Plastic Surgery | Searc...



**Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia...**

Mansion Global



**Retirement Villages Near Putrajaya Are...**

Senior Living | Sponsor...



**Sekiranya anda mengalami sakit di pinggul dan...**

asiastory.news

Shop Now



**New Anti-Mosquito Device Is Changing...**

simplediscountfinder.c...



**Putrajaya: Liquidation Of Unsold 2020...**

SUV Deals | Search Ads



**Incredible New Knee Sleeve Takes Malaysia ...**

healths.cafe


IKUTI KAMI DI:

Download on the App Store

GET IT ON Google Play

Download on the App Store

GET IT ON Google Play

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi